

Abstrak tesis dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai syarat memenuhi keperluan untuk Sarjana

**KUALITI INSTITUSI, MAKROEKONOMI, PELABURAN LANGSUNG ASING DAN PENGARUHNYA KE ATAS RASUAH DI 5 NEGARA ASEAN TERPILIH**

**KAVITHA A/P CHANDRAN**

**2020**

**Penyelia Utama : Bayu Taufiq Possumah, Ph.D.**

**Penyelia bersama : Noor Haslina Mohammad Akhir, Ph.D.**

**Fakulti : Fakulti Perniagaan Ekonomi dan  
Pembangunan Sosial**

Kajian ini membincangkan pengaruh kualiti institusi, makroekonomi, dan pelaburan langsung asing ke atas indeks rasuah di 5 negara ASEAN terpilih. Rasuah boleh dikaitkan dengan aktiviti penyalahgunaan kuasa yang bertujuan memperoleh manfaat peribadi. Manakala, penentu makroekonomi berkait dengan hubungan pelaburan antara negara, rakyat dan aktiviti ekonomi yang semakin berkembang. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap rasuah terhadap kualiti institusi, makroekonomi dan pelaburan langsung asing di negara-negara ASEAN, mengkaji kesan rasuah kepada kualiti institusi, makroekonomi dan pelaburan langsung asing di negara-negara ASEAN dan mengkaji cadangan bagi membendung masalah rasuah yang berleluasa dalam kualiti institusi, makroekonomi dan pelaburan langsung asing di negara-negara ASEAN. Kajian ini melibatkan pengumpulan data sekunder yang bersifat kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif boleh ubah kajian adalah dari tahun 2001 hingga 2017 bagi lima negara ASEAN terpilih. Data ini dianalisis menggunakan ujian kepegunaan, regresi memusat, model kesan tetap, model kesan rawak, dan *redundant variables*. Manakala, ujian *systematic review* dilaksanakan bagi menganalisis data

sekunder yang bersifat kualitatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa peningkatan dalam tahap penentu-penentu makroekonomi juga meningkatkan tahap indeks rasuah di sesebuah negara tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa FDI, OPE dan CG mempengaruhi secara positif ke atas CPI negara-negara ASEAN terpilih. Namun, pemboleh ubah GDP didapati mempengaruhi secara negatif ke atas CPI negara-negara ASEAN terpilih. Nilai catatan indeks rasuah menunjukkan negara Indonesia mencatatkan nilai paling tinggi manakala, Singapura mencatatkan nilai paling rendah berbanding dengan negara-negara ASEAN lain. Rasuah dapat dikurangkan melalui tindakan tertentu dan undang-undang yang tegas seperti mempertingkatkan penguatkuasaan terhadap undang-undang dan hukuman, menyekat kemasukan tenaga buruh asing dan pengurangan cukai import dan kuota terhadap barang dan perkhidmatan.

**Abstract of thesis is presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu  
in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science**

**THE QUALITY OF INSTITUTIONS, MACROECONOMICS,  
FOREIGN DIRECT INVESTMENT AND ITS INFLUENCE ON  
CORRUPTION IN 5 SELECTED ASEAN COUNTRIES**

**KAVITHA A/P CHANDRAN**

**2020**

**Main Supervisor : Bayu Taufiq Possumah, Ph.D.**  
**Co-supervisor : Noor Haslina Mohammad Akhir, Ph.D.**  
**Faculty : Faculty of Business, Economics and Social  
Development**

This study discusses the influence of institutional quality, macroeconomics, and foreign direct investment on the corruption index in 5 selected ASEAN countries. Corruption can be linked to activities of abuse of power aimed at gaining personal gain. Meanwhile, macroeconomic determinants are related to the investment relationship between countries, people and growing economic activities. This study aims to identify the level of corruption on the quality of institutions, macroeconomics and foreign direct investment in ASEAN countries, examine the impact of corruption on the quality of institutions, macroeconomics and foreign direct investment in ASEAN countries and examine proposals to curb rampant corruption in the quality of institutions, macroeconomics and foreign direct investment in ASEAN countries. This study involved the collection of secondary data of a quantitative and qualitative nature. Quantitative data of the study variables were from 2001 to 2017 for five selected ASEAN Countries. These data were analyzed using panel data, pooled regression, fixed effect model, random effect model, redundant variables test and

Hausman test. Meanwhile, a systematic review test was implemented to analyze the qualitative secondary data. The results show that an increase in the level of macroeconomic determinants also increases the level of corruption index in a particular country. The findings of the study show that the FDI, OPE and CG positively influence the CPI of selected ASEAN countries. However, the GDP variable was found to have a negative influence on the CPI of selected ASEAN countries. The corruption index values showed that Indonesia recorded the highest value while Singapore recorded the lowest value compared to other ASEAN countries. Corruption can be reduced through specific actions and strict laws such as stepping up enforcement of laws and penalties, restricting the entry of foreign labor and reducing import taxes and quotas on goods and services.